

13/12/1998

Muzium Islam

Hazirah Che Sab

SEJAK beberapa abad yang lalu, Islam adalah agama paling penting dan menonjol di dunia yang berjaya mencetus inspirasi dalam semua bidang kehidupan. Salah satu bidang ini adalah dalam pelbagai hasil seni yang menakjubkan.

Kraftangan, hasil seni dan pelbagai artifak tinggalan warisan Islam sejak zaman berzaman, kadangkala muncul di beberapa galeri atau muzium tetapi umumnya ia berselerak di merata tempat seluruh dunia.

Kini, beratus-ratus artifak kesenian Islam seluruh pelusuk negara boleh dihayati dengan terbinanya Muzium Kesenian Islam, satu-satunya muzium yang mendedikasikan kewujudannya khusus untuk memelihara peninggalan berharga ini.

Menurut pengarahnya, Syed Azmin Albukhary, muzium yang diinspirasikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu akan mempamerkan artifak yang menjelaskan sejarah, kebudayaan dan cara hidup Islam.

"Ia juga memberi keutamaan terhadap pendidikan dan pemahaman seni Islam kepada masyarakat mengenai kesenian agung ini.

Muzium Kesenian Islam ini adalah satu projek konsesi kerajaan dan diamanahkan kepada Yayasan Albukhary untuk membina dan mengurus muzium itu sebagai satu organisasi yang tidak bermatlamatkan keuntungan," katanya.

Keluasan muzium melebihi 22,000 meter persegi yang menelan belanja kira-kira RM70 juta itu mempunyai empat tingkat dan setiap satu tingkat mempunyai fungsi masing-masing seperti ruang pameran, perpustakaan, taman pancutan air dan bengkel pendidikan.

Selain artifak sedia ada, pameran itu akan merangkumi koleksi persendirian yang dipinjam sementara atau pinjaman yang bertujuan untuk pembelian selain yang dibeli terus.

Melalui Jabatan Perdana Menteri dan Perdana Menteri sendiri, pihak muzium menerima koleksi yang dipinjamkan dari beberapa negara dan pemilik persendirian dari dalam dan luar negara.

"Ini termasuklah artifak dan koleksi dari Bosnia, Iran dan Brunei yang bernilai lebih RM 100 juta manakala koleksi pinjaman dari Sultan Brunei adalah kali pertama dipamerkan sebagai tanda muhibah kepada Perdana Menteri.

Dalam jangka masa sama, muzium ini juga menerima tempahan mempamerkan artifak bertaraf dunia seperti dari Kuwait, Uzbekistan, Iran dan Turki untuk dimuatkan sebagai program awal tahun 1999," katanya.

Keluasan kawasan pameran meliputi 3,972 meter persegi yang terbentang pada dua tingkat dikhaskan untuk artifak di pameran kekal dan juga dua ruang pameran istimewa.

Artifak yang dikumpul akan diletakkan dan dipamerkan mengikuti beberapa tema. Pertama ialah Seni Masjid yang memberi tumpuan kepada mihrab dan mimbar.

Replika mini senibina Islam yang penting dan terkenal dipamerkan di kawasan Senibina Islam. Antaranya termasuk model Taj Mahal, Masjid, Muzium Imam Ismail Albukhary dan Makam Amir Timur.

Di muzium itu juga, ada lebih 200 koleksi manuskrip dan al-Quran dituliskan oleh pakar seni khat Cina menggunakan berus Cina.

Perkembangan seramik Islam yang inovatif dan dinamik pada awal abad ke-9 boleh disaksikan melalui artifak yang mempunyai daya cipta dan kreativiti tinggi di Galeri Seramik.

"Pengunjung turut berpeluang melawat bilik terukir indah dengan paparan

khazanah dan seni ukiran kegemilangan Empayar Utmaniah. Lebih unik, serpihan bilik sebenar dari Turki, berusia hampir 200 tahun dibawa dan dijadikan bahan binaan utama bilik berkenaan di muzium itu.

"Selain itu, pengunjung juga berpeluang menyaksikan keunikan kubah yang dibina terbalik, satu-satunya kubah terbalik yang ada di sini," katanya.

Keistimewaan lain yang ada sepanjang pameran ialah ukiran 'minaret' yang sengaja tidak disudahkan untuk memberi peluang kepada pengunjung menyaksikan sendiri bagaimana ukiran itu dibuat.

Selain itu, antara keunikan lain di muzium itu ialah Mihrab yang diukir menyerupai salah satu masjid tertua di bandar Isfahan, Iran.

"Pada majlis perasmian, manuskrip Shahnama (Buku-Buku Raja) yang amat berharga dan menakjubkan turut dipamerkan.

"Shahnama adalah epik kebangsaan Parsi yang dikarang oleh penyair Firdawasi pada 1010 Masehi di 'Court of Mahmud', Gaza. Ia dihasilkan antara tahun 1520 Masehi dan 1540 Masehi dan bertahan selama 400 tahun sebelum ia diceraikan.

Koleksi karya agung itu akan menjadi pameran utama dan ini adalah kali pertama manuskrip ini dibawa keluar dari Iran sebelum diperolehi pada tahun 1994 selepas ditukarkan dengan lukisan Wilem de Kooning nude, 'Woman III' dari Amerika Syarikat," tambahnya.

Muzium ini terbuka bukan hanya kepada orang ramai atau hanya untuk menyaksi pameran tetapi juga untuk menikmati pelbagai kemudahan yang dilengkapi di dalamnya.

Muzium ini dibina agar rekabentuknya merangkumi kemudahan dan perkhidmatan yang boleh digunakan sebagai tempat persidangan, bengkel dan pelbagai kegiatan yang kebanyakannya berkaitan dengan seni.

Orang ramai boleh mengunjungi pameran itu setiap hari kecuali Isnin bermula jam 10 pagi hingga 6 petang. Bayaran yang dikenakan ialah RM2.50 bagi dewasa dan RM1 bagi kanak-kanak.

(END)